

**GARIS PANDUAN PENGECCUALIAN LATIHAN INDUSTRI BAGI PENGAJIAN SEPARUH MASA (SPACE)
IJAZAH SARJANA MUDA DI SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM, FAKULTI KEJURUTERAAN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

- Pelajar yang layak memohon dan dipertimbangkan untuk pengecualian Latihan Industri adalah mereka yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 1. Pelajar lepasan diploma, dan
 2. Pengalaman kerja industri melebihi 12 bulan di dalam bidang berkaitan kejuruteraan awam pada tahap yang bersesuaian.
- Permohonan boleh di buat pada setiap semester pada waktu yang telah ditetapkan oleh pihak SPACE (pelajar boleh mula memohon ketika sudah berada di semester 6 pengajian), Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA).
- Pelajar perlu mengemukakan laporan pengecualian latihan indsutri mengikut format yang telah ditetapkan dan disahkan oleh majikan.
- Pelajar juga mesti memenuhi syarat temuduga yang akan di lakukan oleh panel penemuduga yang dilantik oleh pihak SPACE, SKA
- Pada setiap semester calon pelajar akan diberi taklimat berkaitan syarat, format dan kandungan laporan yang perlu dihantar
- Salinan taklimat boleh diperolehi sebagai panduan menulis laporan pengecualian industri
- Permohonan pengecualian pada semester yang dipilih perlu diselesaikan pada semester tersebut. Sekiranya laporan akhir yang lengkap tidak dihantar pada semester tersebut pelajar perlu memohon dan menghantar kembali laporan dan ditemuduga sekali lagi pada semester yang lain.